


| | | | |
|------------|---------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Sasar kecemerlangan murid luar bandar | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 06 May 2014 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 314,000 |
| Page No | 15 | Readership | 942,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 652 cm ² |
| Journalist | Syazwan Msar | AdValue | RM 22,475 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 67,425 |



Sasar kecemerlangan murid luar bandar

» Klinik UPSR BH-TH
beri tip berguna,
mantapkan kemahiran
menjawab soalan



Seorang peserta melihat modul Klinik UPSR BH - TH.

[FOTO SYAZWAN MSAR/BH]

Oleh Syazwan Msar
bhvarsiti@bh.com.my

• Muadzam Shah

Usaha memperkasa dan memantapkan pengetahuan murid Tahun Enam luar bandar menjadi agenda utama penganguran Klinik Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) BH dengan kerjasama Tabung Haji (TH).

Program turut bertujuan melahirkan lebih ramai murid luar bandar cemerlang dalam bidang akademik sekali gus mampu memberi anjakan untuk mencapai kecemerlangan pada masa depan.

Pada program Klinik UPSR BH yang berlangsung di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Muadzam Jaya, baru-baru ini, seramai 260 murid Tahun Enam dari 16 Sekolah Kebangsaan (SK) sekitar daerah Rompin menyertai.

Biarpun hanya sehari, program padat dengan pengisian ceramah tenaga pakar yang berkongsi teknik menjawab soalan serta persediaan

menghadapi peperiksaan dalam empat mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

Pengarah TH Pahang, Datuk Mohyen Mosman berkata pengajuran program berkenaan penting kepada murid di kawasan luar bandar sebagai persiapan menghadapi UPSR yang tinggal enam bulan saja lagi.

Bersaing dengan murid bandar
Katanya, Klinik UPSR BH mampu melahirkan dan menyemai minda murid di luar bandar supaya mereka sentiasa bersedia dan mampu menjawab soalan UPSR dengan cemerlang.

"Program membantu murid yang di luar bandar yang kurang berkecimpungan untuk memantapkan lagi pengetahuan dalam subjek menerusi tip yang diberikan oleh pakar berpengalaman.

"Kita mahu memastikan mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran dan mampu bersaing dengan murid di bandar dengan memperoleh keputusan cemerlang dalam UPSR nanti," katanya selepas merasmikan program berkenaan, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, sambutan yang ditunjukkan murid dan pihak sekolah di daerah Rompin menunjukkan mereka yakin dengan pengisian program oleh Unit Pendidikan BH yang mampu memberikan maklumat serta tip berguna.

"Murid mampu berinteraksi secara baik dengan tenaga pengajar malah mereka lebih memahami subjek atau topik yang diajar menerusi teknik pembelajaran yang betul dan sistematik.

"Tenaga pengajar berpengalaman yang disediakan BH mampu membentuk pemikiran kreatif dan inovatif murid," katanya.

Selain itu, Mohyen juga berkata, program berkenaan akan diteruskan ke daerah lain apabila Kuantan menjadi destinasi seterusnya dengan jangkaan hampir 500 murid bakal menyertainya.

Kita mahu memastikan mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran dan mampu bersaing dengan murid di bandar"

Mohyen Mosman,
Pengarah TH Pahang



Guru pakar memberi tip kepada murid untuk cemerlang menjawab peperiksaan.

Syarikat, pertubuhan atau individu yang ingin menjalankan Klinik UPSR BH Didik boleh menghubungi 03-2056 9780 (Mohd Feroz Abu Bakar).



Mohyen (tengah) bersama-sama peserta Klinik UPSR BH-TH di SMK Muadzam Jaya, baru-baru ini.